



**KENANGAN...**  
penulis (berdiri tiga dari kanan) bergambar bersama rombongan media yang menyertai lawatan ke Brunei.

**SELESA...**  
Kampung Ayer dilengkapi pelbagai kemudahan untuk penduduk termasuk masjid dan sekolah.

## Tempat pelancongan menarik di Brunei

### ■ Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin

Masjid ini diiktiraf antara masjid tercantik di Asia Pasifik dan mercu tanda Brunei Darussalam.

Masjid itu menggabungkan seni bina Mughal dan gaya Itali. ia dibina di kawasan lagun di Sungai Brunei dan terletak berhampiran Kampung Ayer.

Pada waktu malam, keanggunan masjid itu lebih terserlah dengan lampu berwana-warni selain bayang-bayang yang bermandikan Sungai Brunei.

### ■ Masjid Jame Asr Hassanal Bolkiah

Masjid itu adalah yang terbesar di Brunei. ia dibina sempena ulang tahun ke-25 pemerintahan Sultan Brunei. Di kalangan penduduk tempatan, ia dikenali sebagai Masjid Kiarong.

### ■ Istana Nurul Iman

Istana ini adalah tempat

penginapan Sultan Brunei. ia terletak di kawasan tanah tinggi berhampiran Sungai Brunei dan beberapa kilometer dari bandar raya.

Istana ini adalah tempat penginapan paling besar di dunia. ia direka bentuk oleh Leandro V Locsin dan dibina firma dari Filipina, Ayala International.

### ■ Muzium Brunei

Ia terletak di kawasan arkeologi di Kota Batu, kira-kira lima kilometer dari Bandar Seri Begawan. Muzium itu adalah yang terbesar di negara berkenaan.

ia dibina pada 1965 dan dibuka pada 1972. Kebanyakannya barang dan artifak yang dipamerkan di muzium itu mengenai dunia Islam, sejarah Brunei, seramik dan industri minyak di negara itu.

### ■ Waterfront

Waterfront dibuka kepada sesiapa sahaja dan beroperasi 24 jam. Ini memberi pe-

luang kepada orang ramai melihat pemandangan di sekitar, selain menikmati pelbagai jenis makanan tempatan.

### ■ Pusat Seni dan Kraf

Ia terletak di Jalan Residency dan dibuka pada 1980. ia memaparkan pelbagai hasil seni halus di Brunei, kraf, batik dan pertukangan. Pusat itu juga menyediakan latihan kepada pelatih dalam bidang logam, kayu dan songkok.

### ■ Muzium Teknologi Melayu

Ia terletak di Kota Batu di tengah Bandar Seri Begawan. Muzium itu dibuka pada Februari 1988 oleh Sultan Brunei.

Muzium ini memperkenalkan pelbagai aktiviti penduduk tempatan iaitu menangkap ikan, membuat logam dan membina sampan.

## Pakaian sesuai untuk aktiviti lasak, santai

### REVIU PRODUK

JENAMA pakaian Jeep antara pilihan lelaki masa kini yang gemar melakukan aktiviti lasak dan santai.

Bagi mereka yang gemar melakukan pengembaraan dan aktiviti luar, miliki pakaian terbaru Jeep yang menampilkan gaya klasik menerusi Koleksi Vintaj Pakaian Jenama Jeep Terbaru 2012.

Tema 'Live Without Limits' diinspirasi daripada reka bentuk tahun lasak 1940 dan 50-an, bakal membawa si pemakai kembali merasai kehangatan era masa lalu.

Koleksi pakaian kasual ini memenuhi keinginan lelaki dan wanita yang gemarkan cabaran, malah rekaan yang sempurna sesuai dengan gaya hidup urban yang menggabungkan pelbagai corak dengan mainan warna seperti oren, kuning, biru serta warna asas coklat dan khaki yang menawan.

Padanan berjulur, denim pelbagai warna dan potongan kemas melahirkan imej kreatif dan maskulin.

Pakaian lelaki mena-

lurkan tenaga positif untuk mereka yang sukakan cabaran dan bercita-cita tinggi.

Rangkaian kemeja-T dalam warna putih, coklat dan arang manakala polo-T klasik direka dengan warna asas yang menonjol serta sentuhan vintaj dalam jalur oren-merah.

Padanan baju asas dengan baju klasik yang berwarna merah dan perang bersama jaket menyerlahkan gaya lelaki urban.

Reka bentuk vintaj turut diperkenalkan pada seluar pendek dan bermuda menurut warna terang, kelabu, arang dan coklat manakala denim dan seluar cargo menggunakan warna gelap.

Pasangan wanita tidak terkecuali menggayakan pakaian yang memaparkan unsur penuh keyakinan. Koleksi terbaru itu diperbuat daripada kapas berwarna terang dan pastel yang sesuai untuk seluar denim dan khaki.

Pakaian berwarna coklat dan pastel digandingkan dengan warna kuning terang bagi melahirkan imej tahun lasak dan riang namun masih mengekalkan gaya hebat berfesyen.

Si kecil tidak pernah dilupakan dengan lahirnya koleksi kanak-kanak yang



**TERANG...**...koleksi Jeep turut melahirkan pelbagai corak pada baju T.


lembut dan selesa yang menggabungkan rekaan tahun lasak dan fleksibiliti.

Kemeja-T kelihatan cantik apabila disesuaikan dengan seluar pendek cargo. Polo-T kanak-kanak tidak terbatas pada satu warna. Justeru, semua warna digunakan termasuk warna jalur bercorak manakala konsep ketenteraan dan lasak sesuai untuk kanak-kanak lelaki.

Justeru, pilihan seisi keluarga yang ingin mengembawa, melancong dan tampak lebih santai dengan rangkaian pilihan seluar, baju dan jaket Jeep pasti mengujakan.



**PILIH...**...pilihan menarik antara jaket hijau dan baju ungu.



**SEGAK...**vintaj pakaian lelaki menyerlahkan gaya maskulin.

**HIMPUN...**denim dan kargo sesuai untuk lelaki dan wanita.